

MoU jerebu dijangka dimeterai tahun hadapan

PUTRAJAYA 3 Dis. - Malaysia akan mendesak Indonesia mempercepatkan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) bagi menyelesaikan segera masalah jerebu dalam waktu terdekat.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, sekiranya MoU tersebut ditandatangani, semua pihak akan mendapat kebenaran untuk membantu memadamkan kebakaran dengan segera bagi mengelakkan bencana jerebu berulang.

Beliau berkata, pada masa sama, Malaysia juga akan membantu negara jiran itu dengan menyumbang kepakaran dan pengalaman sedia ada dalam menangani isu kebakaran melibatkan tanah gambut.

"Kita akan menyerahkan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk mendesak MoU ini dipercepatkan, dalam perjanjian ini tindakan pencegahan dan pemadaman kebakaran akan diberi penekanan utama oleh Malaysia.

"Sebelum ini, sekiranya berlaku kebakaran di sesebuah wilayah di Indonesia, mereka akan tunggu dan lihat terlebih dahulu sebelum tindakan diambil, namun dengan MoU ini kalau berlaku kebakaran, tindakan segera untuk memadamkan kebakaran akan dibuat terutamanya oleh Kerajaan Pusat Indonesia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan pengumuman hadiah bagi Pertand-



Indonesia juga bersetuju untuk membeli tiga pesawat jenis Bombardier selepas melihat keupayaan pesawat jenis tersebut yang dimiliki Malaysia dalam memadamkan kebakaran hutan di Sumatera baru-baru ini."

WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

ingan Menamakan Anak Panda Gergasi di sini hari ini.

Dalam pada itu, Wan Junaidi berkata, Indonesia turut memberi jaminan kepada Malaysia bahawa jerebu buruk yang berlaku pada tahun ini tidak akan berulang dengan mengambil beberapa tindakan tegas terhadap syarikat perladangan dan menarik balik sebarang aktiviti perladangan di tanah gambut bagi mengurangkan risiko kebakaran.

Katanya, mereka juga akan melaksanakan beberapa langkah pencegahan lain dengan membina saluran perparitan dan membina benteng di tanah gambut bagi menangkup air.

Katanya, Indonesia juga bersetuju untuk membeli tiga pesawat jenis Bombardier selepas melihat keupayaan pesawat jenis tersebut yang dimiliki Malaysia dalam me-

madamkan kebakaran hutan di Sumatera baru-baru ini.

"Pada masa sama, kita juga menjemput rombongan dari negara jiran untuk melihat sendiri keadaan negara menjaga tanah gambut di sini dengan memasang 'tube well' (perigi bawah tanah) yang mana kosnya tidak mahal sekitar RM180,000 hingga RM400,000 untuk seunit tetapi sangat berkesan dalam melembapkan tanah gambut," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, katanya, Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembah Bertam telah siap lebih 61 peratus.

Katanya, selepas projek tersebut disiapkan sepenuhnya pertengahan tahun hadapan, masalah banjir yang berlaku di kawasan penempatan dan sekolah berhampiran dapat dielakkan sepenuhnya.